



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

## ANALISIS FORMALISTIK TERHADAP PENGKRITIKAN FILEM



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2023



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

## ANALISIS FORMALISTIK TERHADAP PENGKRITIKAN FILEM

INTHUMATHI A/P SEGARAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK  
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA SASTERA  
(MOD PENYELIDIKAN)**

**FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**2023**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**Sila tanda (\)**

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus  
Doktor Falsafah

/

## INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

### PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 16.....(hari bulan) 10..... (bulan) 2023....

**i. Perakuan pelajar :**

Saya, INTHUMATHI A/P SEGARAN M20171000902 Fakulti Bahasa & Komunikasi (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk Analisis Formalistik terhadap Pengkritikan Filem

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

**ii. Perakuan Penyelia:**

Saya, Dr. Muniisvaran A/L Kumar (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk Analisis Formalistik terhadap Pengkritikan Filem

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian SiswaZah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah Sarjana Sastera (Kesusasteraan Tamil) (SLA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

16/10/2023

Tarikh

**DR. MUNIISVARAN S/O KUMAR**  
 DEPARTMENT OF MODERN LANGUAGES,  
 SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY,  
 TANJUNG MALIM, 35900  
 PERAK DARUL RIDZUAN,  
 MALAYSIA



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /  
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK  
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: Analis formalistik terhadap pengkritikan filem

No. Matrik / Matric's No.: M20171000902

Saya / I : Inthumathi a/p Segaran

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)\* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

*acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-*

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.  
*The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris*
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.  
*Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.*
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.  
*The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.*
4. Sila tandakan ( ✓ ) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick ( ✓ ) for category below:-

**SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

**TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

**TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

Tarikh: 20.11.2023

DR. MUNISVARAN S/O KUMAR  
SENIOR LECTURER  
DEPARTMENT OF MODERN LANGUAGES,  
SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY  
TANJUNG MALIM, 35900  
PERAK DARUL RIDZUAN,  
MALAYSIA

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenna dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



## PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan kepada Tuhan kerana dengan limpah kurnianya, penyelidik dapat menyiapkan penyelidikan ini dengan sempurna setelah mengharungi pelbagai cabaran. Penyelidik juga ingin merakamkan penghargaan ikhlas kepada penyelia, Dr. Muniswaran Kumar atas bimbingan dan sokongan yang diberi sepanjang tempoh penyelidikan projek ini. Penyelidik ingin mengucapkan terima kasih kepada ibu bapa dan saudara saya atas segala doa, didikan dan sokongan sejak kecil lagi. Penyelidik juga menghargai komitmen yang diberikan oleh rakan-rakan seperjuangannya, yang sentiasa menghargai sokongan serta kerjasama yang telah diberikan sepanjang penyelesaian tugas ini. Semoga kita mencapai kejayaan di dunia dan akhirat.





## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji dan menjelaskan pengkritikan filem karya K.Balamurugan dengan menggunakan teori formalistik. Kajian ini mempunyai tiga objektif iaitu, mengenalpasti subjek perbincangan, mengenalpasti elemen kritikan plot dan mengenalpasti pengkritikan watak dan perwatakan dalam karya K.Balamurugan berdasarkan teori formalistik. Sumber data kajian ini adalah buku pengkritikan filem bertajuk ‘Theernthu Pogatha Venkattikal’ yang ditulis oleh K.Balamurugan. Teori formalistik digunakan sebagai penganalisis kritikan filem karya K.Balamurugan. Pengkaji menggunakan pendekatan kualitatif. Kaedah kajian yang digunakan dalam kajian ini ialah berbentuk kaedah kepustakaan untuk mengumpulkan maklumat berkaitan kajian ini. Data dianalisis dengan menggunakan analisis deskriptif berlandaskan ciri – ciri teori formalistik iaitu tema, plot dan perwatakan dengan menggunakan buku pengkritikan filem bertajuk ‘Theernthu Pogatha Venkattikal’. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa kebanyakkan kritikan filem ‘Theernthu Pogatha Venkattikal’ ini diliputi ciri-ciri kritikan iaitu tema, plot dan perwatakan yang terkandung dalam teori formalistik. Karya K.Balamurugan ini meliputi segala aspek berdasarkan teori formalistik dan mampu meneliti serta menilai kelemahan dan kekuatan sesebuah kritikan melalui pengaplikasian pelbagai teori dan pendekatan sastera. Implikasi kajian ini dapat meningkatkan keberkesanan pengkritik dalam mengkritik sesebuah karya dan meningkatkan kualitinya dalam bidang penulisan.





## CULTURE ELEMENTS OF AN INDIAN COMMUNITY IN SELECTED SHORT STORIES FROM SAROJA THEAVY BALAKRISHNAN AND UTHAYA SANKAR

### ABSTRACT

This study aims to examine and explain film criticism of K. Balamurugan's work using formalistic theory. The study has three objectives, which are to identify the subject of discussion, to identify the elements of plot criticism, and to identify character criticism in K. Balamurugan's work based on formalistic theory. The data source for this study is the film criticism book entitled *Theernthu Pogatha Venkattikal* written by K. Balamurugan. Formalistic theory is used as an analyzer of K. Balamurugan's film criticism. The researcher uses a qualitative approach. The research method used in this study is in the form of literature review to collect information related to this study. Data are analyzed using descriptive analysis based on the characteristics of formalistic theory, which are themes, plots, and characters, using the film criticism book entitled *Theernthu Pogatha Venkattikal*. The results of the study show that most of the film criticisms of *Theernthu Pogatha Venkattikal* are characterized by themes, plots, and characters contained in formalistic theory. In conclusion, K. Balamurugan's work covers all aspects based on formalistic theory and is able to examine and evaluate the strengths and weaknesses of a criticism through the application of various literary theories and approaches. The implications of this study can improve the effectiveness of critics in critiquing a work and improve their quality in the field of writing.





## KANDUNGAN

### Muka Surat

<b>KEASLIAN PENULISAN</b>	ii
---------------------------	----

<b>PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI</b>	iii
--	-----

<b>PENGHARGAAN</b>	iv
--------------------	----

<b>ABSTRAK</b>	v
----------------	---

<b>ABSTRACT</b>	vi
-----------------	----

<b>KANDUNGAN</b>	vii
------------------	-----



<b>SENARAI RAJAH</b>	xvi
----------------------	-----

<b>TRANSILERASI</b>	xvi
---------------------	-----

<b>BAB 1 PENDAHULUAN</b>	
--------------------------	--

1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Pernyataan Masalah	8
1.4 Objektif Kajian	11
1.5 Persoalan Kajian	11
1.6 Kepentingan Kajian	12
1.7 Batasan Kajian	13
1.8 Sumber Kajian	14
1.8.1 Sumber Primer	14





1.8.2	Sumber Sekunder	15
1.9	Definisi Operasional	16
1.9.1	Kritikan	16
1.9.2	Filem	18
1.9.3	Teori Formalistik	19
1.9.4	Pengkritik	21
1.10	Kesimpulan	22

## BAB 2 KAJIAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	23
2.2	Biografi Penulis K. Balamurugan	24
2.3	Karya-karya lain oleh penulis K. Balamurugan	25
2.4	Hadiah dan pencapaian oleh penulis K. Balamurugan	28
2.5	Buku <i>Theernthu Pogatha Venkattikal</i>	30
2.5.1	<i>Dorm</i> (Filem Thailand)	30
2.5.2	<i>Laskar Pelangi</i> (Filem Indonesia)	31
2.5.3	<i>May and August</i> (Filem Hong Kong)	31
2.5.4	<i>Kutty</i> (Filem India)	32
2.5.5	<i>Haunted room</i> (Filem Thailand)	33
2.5.6	<i>Not One Less</i> (Filem China)	33
2.5.7	<i>Taare Zameen Par</i> (Filem India)	34
2.5.8	<i>City of God</i> (Filem Brazil)	34
2.5.9	<i>Kikujiro</i> (Filem Jepun)	35
2.5.10	<i>Rabbit Proof Fence</i> (Filem Australia)	35





2.6 Pendekatan dalam Kritikan	36
2.7 Bentuk Kritikan	37
2.7.1 Kritikan Sanjungan	38
2.7.2 Kritikan Teguran	39
2.7.3 Kritikan Penganalisisan	40
2.7.4 Kritikan Penilaian	41
2.7.5 Kritikan Saranan	41
2.7.6 Kritikan Estetik	42
2.7.7 Kritikan Konservatif	43
2.7.8 Kritikan Konstruktif	43
2.7.9 Kritikan Kritikal	44
2.7.10 Kritikan yang Merosakkan	44
2.7.11 Kritikan Liberal	45
2.7.12 Kritikan Moral	46
2.7.13 Kritikan Negatif	46
2.7.14 Kritikan Praktikal	47
2.7.15 Kritikan Swasta dan Awam	47
2.7.16 Kritikan Agama	48
2.7.17 Kritikan Saintifik	48
2.7.18 Kritikan Teoritis	49
2.7.19 Kritikan Feminisme	49
2.7.20 Kritikan Marxis	52
2.7.21 Kritikan Sejarah	55
2.7.22 Kritikan Sejarah Baru ( <i>New Historicism</i> )	56





2.8	Kepelbagaian Kritikan	57
2.9	Kajian-kajian Lepas dalam Bidang Pengkritikan	64
2.10	Teori Formalistik	71
2.11	Ciri-ciri Teori Formalistik	72
2.12	Rumusan	77

### BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	78
3.2	Reka Bentuk Kajian	79
3.3	Kerangka Kajian	81
3.4	Kaedah Kajian	82
3.4.1	Kajian Kepustakaan	82
3.5	Kaedah Analisis Kandungan Teks	84
3.6	Kaedah Menganalisis Data	85
3.7	Kaedah Penganalisisan Data	87
3.8	Rumusan	88



### BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	89
4.2	Filem 1 <i>Dorm</i>	90
4.2.1	Subjek Perbincangan	90
4.2.2	Plot	93
4.2.3	Perkembangan Pengkritikan Watak	95
4.3	Filem 2 <i>Laskar Pelangi</i>	96





4.3.1	Subjek Perbincangan	97
4.3.2	Plot	98
4.3.3	Perkembangan Pengkritikan Watak	100
4.4	Filem 3 <i>May and August</i>	102
4.4.1	Subjek Perbincangan	102
4.4.2	Plot	104
4.4.3	Perkembangan Pengkritikan Watak	105
4.5	Filem 4 <i>Kutty</i>	107
4.5.1	Subjek Perbincangan	107
4.5.2	Plot	110
4.5.3	Perkembangan Pengkritikan Watak	111
4.6	Filem 5 <i>Haunted Room</i>	115
4.6.1	Subjek Perbincangan	115
4.6.2	Plot	116
4.6.3	Perkembangan Pengkritikan Watak	118
4.7	Filem 6 <i>Not One Less</i>	120
4.7.1	Subjek Perbincangan	120
4.7.2	Plot	122
4.7.3	Perkembangan Pengkritikan Watak	123
4.8	Filem 7 <i>Taare Zameen Par</i>	127
4.8.1	Subjek Perbincangan	127
4.8.2	Plot	130
4.8.3	Perkembangan Pengkritikan Watak	133
4.9	Filem 8 <i>City of God</i>	134





4.9.1	Subjek Perbincangan	134
4.9.2	Plot	137
4.9.3	Perkembangan Pengkritikan Watak	138
4.10	Filem 9 <i>Kikujiro</i>	139
4.10.1	Subjek Perbincangan	140
4.10.2	Plot	141
4.10.3	Perkembangan Pengkritikan Watak	142
4.11	Filem 10 <i>Rabbit Proof Fence</i>	144
4.11.1	Subjek Perbincangan	144
4.11.2	Plot	146
4.11.3	Perkembangan Pengkritikan Watak	147
4.12	Rumusan	149



## BAB 5 PENUTUP

5.1	Pengenalan	150
5.2	Dapatan Kajian	151
5.2.1	Aspek Subjek Perbincangan	151
5.2.2	Aspek Kritikan Plot	153
5.2.3	Aspek Pengkritikan Watak dan Perwatakan	154
5.3	Implikasi Kajian	155
5.4	Cadangan Kajian Lanjut	156
5.5	Kesimpulan	157
	<b>RUJUKAN</b>	158





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

xiii

## SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
3.1 Reka Bentuk Kajian	81



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



## TRANSLITERASI TAMIL

Penggunaan transliterasi nama-nama dan istilah-istilah Tamil melalui translasi bahasa Melayu adalah berdasarkan kepada sistem transliterasi yang digunakan dalam *Tamil Lexicon*. Berikut adalah dasar kepada transliterasi huruf-huruf bahasa Tamil.

### UYIR ELLUTTU / VOKAL

a - அ	ū - உள்	ō - ஒ
ā - ஆ	e - ஏ	au - ஓள்
i - இ	ē - ஏ	uk - ஹ
ī - ஈ	ai - ஐ	
u - உ	o - ஒ	



### MEY ELLUTTU / KONSONEN

k / g - க்	ñ - ஞ்	y - ய்
c - ச்	ñ̄ - ஞ்ச்	r - ர்
t̄ - ட்	ñ̄ - ஞ்ச்	l - ல்
t - த்	n̄ - ஞ்	v - வ்
p - ப்	m̄ - ஞ்	l̄ - ஞ்
r̄ - ர்ம்	ñ̄ - ஞ்	l̄ - ஞ்





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

XV

## KIRANTA ELUTTU

j - ജ	h - ഘ	sri - ശ്രീ
ഃ - ഖ	s - സ്	



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



## BAB 1

### PENDAHULUAN



Seseorang yang menonton filem bukan sekadar menonton tetapi juga berperanan mengulas filem yang ditonton. Setiap pengkritikan yang diberikan meliputi mesej yang ingin disampaikan oleh penerbit, kekuatan dari segi pembinaan plot serta kesesuaian audio dan visual yang digunakan dalam penerbitan sesebuah filem tersebut (Corrigan, 2005).

Dalam pada masa yang sama, penonton turut akan memberikan kritikan negatif terhadap filem yang tidak dapat mencapai kepuasan dan kehendak penonton. Kritikan negatif yang diberikan merangkumi pelbagai aspek antaranya plot dan aksi yang hambar, ketidaksuaian audio yang digunakan dan banyak lagi (Ellis, Jack & Virginia, 2002).



## 1.2 Latar Belakang Kajian

Pengajian kesusasteraan ini terbahagi kepada tiga disiplin ilmu yang saling berkaitan. Antaranya, teori, sejarah dan kritikan yang memberikan peranan tinggi dalam kesusasteraan ini. Teori didefinikan sebagai bidang ilmu yang menjadi asas untuk menghasilkan kerja-kerja kritikan manakala sejarah dimaksudkan sebagai gambaran tentang perkembangan dan kemajuan kesusasteraan sesuatu bangsa. Seterusnya, aktiviti untuk mengkaji dan menilai hasil-hasil kesusasteraan dinamakan sebagai kritikan. Hasil kritikan dan kajian kesusasteraan yang berkesan daripada karya yang sedia ada dapat meningkatkan kualiti kepengarangan dan apresiasi kesusasteraan untuk masa depan bidang ini. (Rene Wellek dan Austin Warren, 1988).



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun



PustakaTBainun



ptbupsi

Kritikan sangat penting kerana setiap kritikan yang dibuat terhadap sesebuah filem dipercayai akan meningkat kualiti pengkritikan filem pada masa akan datang serta penerbit filem juga akan menilai filem sebelum filem tersebut diterbitkan. Kritikan mempunyai kuasa yang tinggi dan memainkan peranan dominan dalam mengubah struktur filem secara keseluruhan (Naim Haji Ahmad, 1995).

Menurut Hashim Awang, (1988) sejak zaman keagongan tamadun Greek dan Yunani latar sejarah kritikan tradisi kritikan sastera sebenarnya bermula di Barat. Semenjak itu, dunia kritikan sastera di Barat telah berkembang dengan pesat, hingga berjaya menghasilkan pelbagai teori, dan kegiatan kritikan di banyak negara termasuk Malaysia mempengaruhi corak yang menjadi dasar kritikan sastera pada masa terkini.



Penerbitan 'Select Publications' mula menawarkan kritikan ringkas mengenai filem yang selama 20 tahun ini hanya dilayan sekadar hiburan sahaja. Penulis bukan sahaja mengkritik filem berdasarkan nilai hiburan filem itu tetapi kritikan dibuat berdasarkan nilai positif dan negatif sesebuah filem itu. Pembaca pula dapat memahami plot dan gambaran yang ada dalam sesebuah filem dengan adanya pengkritikan filem tersebut. Beberapa akhbar pula mula menawarkan pengkritikan filem dan memperkenalkan pengkritikan filem secara serius kepada orang ramai. Pengkritikan filem telah berkembang pesat pada pertengahan 1940-an (James, B. 2010).

Kritikan sastera ini sangat membantu para penerbit akhbar dan majalah untuk memantapkan bidang penulisan. Penciptaan dan perkembangan sesuatu karya dibuat selepas karya tersebut dikritik. Tetapi aktiviti kritikan ini tidak mendapat sambutan yang baik dalam bidang penulisan. Kegiatan kritikan sastera masih berlaku secara kecil-kecilan dan sedang dimajukan bidang kritikan tersebut.

Secara umumnya, golongan pengkritik dekad 60-an dan 70-an terdiri daripada dua golongan. Golongan yang terkenal adalah pengkritik yang mendapat pendidikan formal dalam pengajian kesusasteraan khususnya dalam bidang kritikan sehingga ke peringkat universiti. Dan keduanya pengkritik yang terdiri daripada peminat-peminat kesusasteraan yang membawah bidang ini ke tempat yang tinggi. Manakala pelajar yang menghabiskan pendidikan dalam sekolah menengah juga menunjukkan keminatan mereka dalam bidang kritikan sastera ini. Mereka lebih minat untuk mempelajari kritikan ini demi meningkatkan pengalaman dan pembacaan ketika menjalankan tugas seperti pengajar, wartawan ataupun apa-apa kerja dalam bidang





akhtar-akhtar dan majalah tempatan yang menjadi tumpuan mereka. (Mano Sikana, 1998).

Kegiatan kritikan ini menjadi salah satu aspek yang penting dalam bidang penulisan karya. Pengkritik akan menjadikannya sebagai alat untuk menghakimkan hasil seseorang penulis. Dalam sastera Inggeris, perkataan ‘critic’ digunakan bagi menerangkan sifat orang yang melakukan kritikan atau pun kegiatan kritik itu sendiri. Istilah ini menjadi lebih mantap dan dilazimi yang digunakan oleh semua pihak. Industri pengkritikan filem telah dikenal pasti pada tahun 90-an. Pengkritik mula mengeluarkan artikel tentang sesbuah karya. ‘Lantern optik’ dan ‘Cinematograph Journal’ adalah majalah yang dikeluarkan berkaitan dengan pengkritikan filem.



Para sarjana telah memberikan pandangan masing-masing tentang bidang ini. Banyak definisi yang telah diberikan oleh para pemikir dan sarjana sastera sejak masa lalu. Matthew Arnold mendefinisikan kritikan sebagai satu usaha ataupun kegiatan yang bukan hendak mencari keuntungan tetapi mempelajari dan menyebarkan sesuatu fikiran dan sesuatu yang telah diketahui sebagai yang terbaik dalam dunia (Hashim Awang, 1997). Mano Sikana, (1998) pula memberikan pendapat bahawa kritikan dilambangkan sebagai satu disiplin ilmu sistematik yang diamalkan bagi membincarakan soal penghayatan, penganalisisan dan penilaian sesbuah karya kreatif.

Daripada pandangan yang diberikan oleh para sarjana di atas, dapat dirumuskan bahawa, kritikan bermaksud memberi penilaian terhadap sesuatu hasil karya menerusi proses pengamatan dan perbandingan, menganalisis dan menghayati





dengan kaedah-kaedah yang sistematik dan beralasan dengan maksud mengembangkan tanggapan-tanggapan yang terbit darinya.

Dalam bidang kritikan, proses menghayati teks adalah langkah pertama yang akan dibuat oleh pengkritik. Ia juga penting untuk mendekati sesuatu karya yang hendak dikritik. Pengkritik akan mendalami cara membaca dan memahami segala ungkapan, istilah dan frasa ayat yang mengangkat persoalan penting cerita bagi mendalami isi cerita. Dengan perkakas teoretikal yang dimiliki oleh pengkritik, maka, teks berkenaan boleh dibedah (operate) dan dianalisis mengikut tujuan kritikan itu dibuat. Perkakas teoretikal itu tentulah terdiri sebuah teori atau pendekatan yang sesuai dengan tujuan kritikan itu tadi (Hashim Awang, 1998).



Dari segi jangkaan, kritikan adalah pertimbangan demokratik tentang kesesuaian sesuatu perkara bagi tujuan yang dimaksudkan, bertentangan dengan perintah autoritarian yang bertujuan untuk mencapai realisasi mutlak terhadap kehendak sesuatu pihak berkuasa. Ini kerana apabila kritikan dibuat, dapat mengetahui atau merumuskan apa yang hendak diperlukan oleh sesuatu pihak. Justeru, perintah authoritarian tidak terbuka kepada sebarang pertikaian (Mana Sikana, 2005). Kritikan digunakan bagi memenuhi kehendak pembaca iaitu dapat menikmati karya yang berkualiti dalam pasaran. Ia memberi kepuasan kepada mereka dan memberi sambutan baik kepada karya yang akan datang.

Pada awal 2000-an penggunaan internet berkembang pesat dan diterima oleh semua lapisan masyarakat. Hal ini membuka ruang untuk penulis pengritikan filem menggunakan 'Blog' sebagai tapak peribadi mereka dalam menyimpan esei, artikel,





pendapat, dan ulasan. Individu bebas berkongsi pendapat mereka mengenai sesebuah filem dengan adanya rangkaian Internet. Secara khususnya, penggunaan 'Blog' menjadi sebahagian penting dalam penulisan pengkritikan filem. Penulis pengkritikan yang mempunyai 'Blog' boleh menarik ramai orang dari seluruh dunia untuk membaca artikel pengkritikan filem. Menjelang tahun 2010-an terdapat 112 juta 'Blog' tentang pengkritikan filem dalam laman web. Pengkritikan yang terbanyak ini memberi kekeliruan kepada pembaca dalam memilih atau mempercayai kritikan mana yang baik dan berkualiti. (Robert, C. 2010).

Media sosial seperti 'Facebook' dan 'twitter' antara media sosial yang paling popular dalam kalangan masyarakat untuk berkongsi pendapat mereka. Setelah sebuah filem dikeluarkan, pada masa seterusnya penonton yang telah melihat filem itu akan berkongsi ulasan filem itu sebagai mesej ringkas dalam tapak laman web 'Facebook' mereka. Kini, kebanyakan pengkritikan filem dikritik melalui televisyen dan 'Youtube' sebagai hiburan. Kebanyakan kritikan yang bertuturan ini tidak mengkaji plot atau implikasi filem tersebut kepada penonton malah lebih mengutamakan hiburan dengan mengkritik kelemahan filem itu (Corrigan, 2005).

Teori kritikan kesusasteraan berfungsi dalam mengenal pasti ciri-ciri karya yang bermutu. Melalui ciri-ciri tersebut, kritikan sastera berperanan sebagai garis panduan kepada penulis menghasilkan karya bermutu dan memberi saranan dalam karya tersebut. Bukan sahaja dalam bentuk tulisan seperti artikel, jurnal malahan pengkritikan juga telah berkembang dalam platform laman web. Laman web menjadi suatu platform kepada para pengkritik untuk menerangkan dan menyampaikan





pelbagai teori atau pendekatan. Teori juga dijadikan elemen penting bagi memperkasakan tahap pengkritikan ke tahap yang lebih mantap.

Teori atau pendekatan kritikan sastera dibina bertujuan menganalisis karya sastera mengikut kriteria masing-masing. Tujuannya ialah memahami mesej atau amanah, struktur penceritaan, kandungan cerita, membantu pembaca memahami teks, dan juga membantu pengarang mempertingkatkan mutu karya. Melalui analisis terhadap karya akan terpancar rahsia-rahsia yang dapat membantu membina kualiti kehidupan pembaca. Walaupun karya sastera dihasilkan untuk tujuan menghiburkan masyarakat, namun di sebalik hiburan itu terselit peristiwa yang dapat diteladani oleh pembaca. Setiap pengkritikan yang diberikan meliputi mesej yang ingin disampaikan oleh penerbit, kekuatan dari segi pembinaan plot serta kesesuaian audio dan visual

yang digunakan dalam penerbitan sesebuah filem tersebut (Corrigan, 2005).

Terdapat juga beberapa buku pengkritikan filem yang diterbitkan dalam pelbagai bahasa seperti bahasa Inggeris, bahasa Cina, bahasa Melayu dan juga bahasa Tamil. Terdapat buku pengkritikan filem yang diterbitkan dalam bahasa Tamil tetapi buku-buku tersebut telah ditulis dan diterbitkan oleh penulis-penulis dari negara India. Antara buku tersebut ialah ‘Asaiyum Padimangal’ (2001), ‘Suvaiyana Cinema Thunukkugal’ (2001), ‘Cinema! Cinema! Ore Ulagavalam’ (2006), ‘Ulaga Cinema Varalaru’ (2011), ‘Mukkiya Sinimaakkal Patriya Suvaiyana Kannottam’ (2014), ‘Maruvaachippu’, dan ‘Maruchinthanai’, ‘Maruvulagam’ (2017).

Di Malaysia, terdapat dua buah buku pengkritikan filem sahaja yang dikeluarkan dalam bahasa Tamil sehingga tarikh kajian ini dijalankan iaitu tahun





2022. Antaranya ialah, Maranggottiyin Isai dan Theenthu Pogatha Venkattigal. Buku Theernthu Pogatha Venkattigal telah diterbitkan pada tahun 2012 dan Maranggottiyin Isai telah diterbitkan pada tahun 2017. Kedua-dua karya ini adalah hasil penulis bernama K. Balamurugan. Buku bertajuk Maranggottiyin Isai mengkaji aspek kehidupan masyarakat, pendidikan dan juga sosiologi. Manakala buku pengkritikan filem bertajuk Theenthu Pogatha Venkattigal pula mengkaji kehidupan kanak-kanak dalam menghadapi pelbagai cabaran.

### 1.3 Pernyataan Masalah

Ilmu terhadap pengambilan filem dan sejarah filem dunia penting jika seseorang ingin menjadi pengarah atau mahu terlibat dalam bidang perfileman. Ramai masih beranggapan bidang filem sekadar aktiviti melibatkan hiburan sahaja. Pengarah filem yang mempunyai ilmu perfileman ketika itu sangat kecil bilangannya. Walaupun golongan tersebut mempunyai pengetahuan dalam bidang filem namun mereka kurang mahir mengkritik hasil-hasil lain dalam bidang yang sama.

Selain itu, berbanding dengan kritikan-kritikan bidang lain seperti kritikan karya bertulis, kritikan filem kurang mendapat perhatian daripada para pembaca. Begitu kurangnya penganalisaan dan kajian-kajian ilmiah tentang kritikan telah dibuat pada masa lalu (Sarena Abdullah, 2010). Ia menyebabkan tidak begitu jumlah besar pendokumentasian dan penyelidikan tentang kritikan ini dilakukan. Ini menjadi rujukan di negara ini berkurangan berbanding negara lain. Tetapi pengkaji dapat menemui banyak kajian mengenai kritikan dapat dibuat dalam masa terdekat





berbanding dengan sebelum tahun 2010. Apabila sesuatu karya ditulis, dianalisis dan dibicara lalu ia akan menjadikan sebagai rujukan pada masa tersebut dan perakam peristiwa sebagai suatu rujukan budaya yang mustahak untuk semua. Kritikan ini memainkan peranan dan kuasa yang tinggi dalam mengubahsuai struktur filem secara keseluruhannya (Naim Haji Ahmad,1995). Penulis pengkritikan berpengalaman sangat peka dengan implikasi yang produktif dari idea yang mantap. Penulis pengkritikan baru gagal dalam memfokuskan kesan yang dibangkitkan oleh idea masing-masing (Stephan, 2013).

Penyelidikan tentang pengkritikan filem dalam bidang kesusasteraan adalah sangat terbatas terutamanya dalam bidang kesusasteraan Tamil. Tambahan pula, bahan rujukan tentang pengkritikan filem dalam bidang kesusasteraan Tamil adalah sangat terhad untuk diperolehi. Ia menjadi cabaran besar untuk dijadikan sebagai sumber rujukan kajian dalam bidang kritikan. Bagi menambahkan rujukan mengenai kritikan filem, banyak kajian perlu dibuat. Ia akan membantu pengkaji–pengkaji akan datang membuat kajian tanpa sebarang cabaran dalam mengumpul maklumat. Selain itu, pengkaji memilih karya penulis K.Balamurugan untuk kajian ini.

Menurut pendapat Uthaya (1998), seseorang pembaca harus mempunyai teknik tersendirinya bagi menilai sesuatu karya. Setiap pembaca karya semestinya boleh berharap bahawa karya yang dibaca itu akan memenuhi semua keinginan mereka.

Banyak artikel tentang pengkritikan filem terdapat dalam bentuk majalah, artikel surat khabar, Blogspot, facebook, dan youtube tetapi terlalu sedikit sebagai





buku dalam situasi kesusasteraan Tamil di Malaysia. Pengkritikan filem tersebut bukan sahaja dikritik oleh pengkritik terkenal malah dari kalangan pengguna biasa laman web. Laman sosial seperti Blog, facebook dan twitter tidak memerlukan nama benar dan syarat-syarat tertentu kepada penggunanya. Hal ini telah memberi masalah kepada penyelidik dalam mengambil rujukan yang terdapat dalam laman sosial tersebut kerana tidak boleh dipercayai.

Untuk meningkatkan mutu penulisan, penelitian dalam cara-cara kritikan yang betul dan cekap diperlukan pada setiap masa. Kajian terhadap karya-karya kritikan amat diperlukan dalam bidang kritikan ini supaya hasil sesuatu karya ini mampu memberikan kelainan kepada alam bidang kritikan dalam penulisan. selain itu, setiap pengkritikan yang dituliskan akan meningkatkan kualiti pengkritikan serta kualiti industri filem itu sendiri dan pembaca pengkritikan filem juga dapat menikmati maksud tersirat dalam sesuatu filem. Oleh itu, tujuan kajian ini ialah mengkaji sama ada karya K. Balamurugan memenuhi ciri-ciri kritikan dari aspek teori formalistik.





## 1.4 Objektif Kajian

Kajian ini mempunyai tiga objektif. Antara objektifnya adalah untuk,

1. Mengenal pasti subjek perbincangan karya-karya kritikan K. Balamurugan berdasarkan teori formalistik.
2. Mengenal pasti elemen kritikan plot dalam hasil karya kritikan K. Balamurugan.
3. Mengenal pasti pengkritikan watak dan perwatakan oleh karya kritikan K. Balamurugan berdasarkan teori formalistik.



## 1.5 Persoalan Kajian

Dalam kajian ini, beberapa persoalan kajian dicetuskan bagi mencapai objektif kajian.

Antara soalan yang tercetus ialah:

1. Apakah subjek perbincangan yang terdapat dalam karya kritikan K. Balamurugan berdasarkan teori formalistik?
2. Sejauh manakah elemen kritikan plot selaras dengan hasil karya kritikan K. Balamurugan?





3. Bagaimanakah K. Balamurugan mengembangkan pengkritikan watak dan perwatakan berdasarkan teori formalistik?

## 1.6 Kepentingan Kajian

Secara keseluruhannya kajian ini dapat mencerminkan mengenai peningkatan dan kemaraan sektor kritikan sastera sebagai suatu aspek yang berlanjutan buah akal berdasarkan ilmu dalam bidang kesusteraan. Tinjauan ini yang dilakukan oleh pengkaji juga telah dibahagikan kepada 6 ciri domain iaitu kualiti, kuantiti, klasifikasi, tahap penggunaan, penglibatan tokoh-tokoh sasterawan bagi menghasilkan esei kritikan untuk mengupas sesebuah sastera, teori dan pendekatan. Aspek-aspek

domain ini juga tidak dapat dinafikan dalam proses penghasilan esei-esei kritikan.

Kajian ini juga penting bagi membantu usaha pengkritik muda untuk meneliti serta menilai kelemahan dan kekuatan sesebuah kritikan melalui pengaplikasian pelbagai teori dan pendekatan sastera. Justeru, secara tidak langsung ia dapat mengangkat bidang kritikan sastera sebagai satu disiplin dan cabang ilmu setanding dengan bidang lain dalam kesusteraan yang telah berkembang maju. Kajian ini amat penting untuk mengenalpasti kekuatan dan kelemahan penggunaan sesuatu teori atau pendekatan dalam kalangan tokoh pengkritik.

Sekaligus, kajian ini dapat menentukan sama ada kemunculan teori dan pendekatan tempatan lebih bersistematik atau relevan berbanding dengan teori serta pendekatan yang sedia ada. Ini kerana teori formalistik ini diliputi dengan ciri-ciri





kritikan. Ia akan menjadi asas kepada pengkritik semasa mengkritik sebuah karya. Pengkaji memilih teori formalistik dalam kajian ini. Teori ini akan dikaji dengan menganalisis karya K. Balamurugan. Di samping itu, kajian ini juga dapat menentukan sama ada kemunculan teori-teori tempatan dapat menyelesaikan masalah ketidakwajaran penggunaan teori serta pendekatan dari Barat dalam usaha para sarjana mencari pendekatan yang sesuai dengan jati diri, adat resam, budaya, agama dan bangsa.

## 1.7 Batasan Kajian

Kajian kritikan filem ini mempunyai beberapa batasan tertentu. Kajian ini dibataskan kepada sebuah buku sahaja yang bertajuk *Theernthu Pogatha Venkattikal*. Ia adalah sebuah buku yang ditulis oleh K. Balamurugan. Beliau telah menulis beberapa cerpen, novel, karya kanak-kanak dan juga buku kritikan filem. Daripada karya-karya K. Balamurugan, pengkaji hanya memilih sebuah karya kritikan filem beliau. Buku tersebut memfokuskan kepada karya kanak-kanak sahaja.

Seterusnya, pengkaji memilih teori formalistik yang sesuai untuk kajian ini. Ini kerana teori formalistik sesuai bagi membincangkan kandungan sastera seperti yang terdapat dalam kajian ini. Dalam teori tersebut pengkritik berbincang tentang ciri-ciri kritikan. Walaupun terdapat banyak teori dalam kajian sastera ini, tetapi teori formalistik ini lebih sesuai untuk kajian pengkritikan ini. Penemuan ciri-ciri teori tersebut dapat dikaitkan dengan pengajaran kritikan ini. Pengkaji memilih 3 ciri





kritikan dalam teori formalistik ini seperti subjek perbincangan, plot dan watak perwatakan. Pengkaji membandingkan 3 ciri tersebut dengan karya K. Balamurugan.

Seterusnya, dalam kajian ini, pengkaji hanya menggunakan kajian kepustakaan. Kebanyakan maklumat mengenai kritikan filem dikumpul dari sumber kepustakaan.

## 1.8 Sumber Kajian

Sumber untuk kajian ini terdiri daripada sumber primer dan sumber sekunder. Pengkaji menggunakan kedua-dua sumber ini dalam menjalankan penyelidikan ini.



### 1.8.1 Sumber Primer

Sumber primer merupakan sumber data utama yang diperolehi secara langsung dari sumber asli iaitu tidak melalui sebarang media perantara (Abdul Halim, 2011). Dalam kajian ini sumber yang dirujuk untuk memperoleh data primer ialah buku pengkritikan filem yang bertajuk Theernthu Pogatha Venkattikal oleh K.Balamurugan yang mengandungi 110 muka surat. Dalam karya itu, K.Balamurugan mengkritik filem-filem yang berkaitan dengan kehidupan kanak-kanak dan masalah sosial mereka.





Dalam buku itu, K.Balamurugan membincangkan 10 filem yang berlainan bahasa dan negara. Tetapi kesemua filem yang dipilih oleh beliau itu bertemakan kehidupan dan cabaran yang dilalui kanak-kanak. Oleh itu, buku tersebut dijadikan sebagai sumber primer untuk kajian ini. Pengkaji menonton 10 buah filem yang dikaji dalam buku Theernthu Pogatha Venkattikal ini. Pengkaji membandingkan kandungan filem tersebut dan kritikan penulis K.Balamurugan tentang buku kritikan ini.

### 1.8.2 Sumber Sekunder

Sumber sekunder merupakan sumber data yang sedia ada atau idea yang diperolehi daripada mana-mana sumber yang digunakan semula untuk membuat kajian ini. Data sekunder adalah data tambahan daripada sumber bertulis seperti kritikan berbentuk artikel, jurnal, internet dan sebagainya. Data-data daripada sumber sekunder ini penting untuk dijadikan sebagai sokongan kepada sesuatu pernyataan dan mengukuhkan sesuatu keputusan (Abdul Halim, 2011).

Kajian ini menggunakan sumber sekunder seperti kamus dewan, kajian ilmiah peringkat kedoktoran dan sarjana, ulasan artikel-artikel, jurnal dan buku-buku sastera yang berhubung kait dengan tajuk kajian ini. Maklumat tentang kritikan yang dikutip daripada sumber ini dikaji dan dibandingkan dengan karya K. Balamurugan. Sumber buku, jurnal dan artikel ini digunakan untuk mengukuhkan kajian ini mencapai objektif yang ditetapkan oleh pengkaji. Sumber ini juga menjadi rujukan penting bagi kajian ini. Filem yang dikritik juga merupakan salah sebuah sumber bagi memperoleh maklumat untuk kajian ini.





## 1.9 Definisi Operasional

Definisi operasi kajian ialah bahagian yang menjelaskan makna dan konsep perkataan-perkataan, kekunci tertentu dalam konteks kajian ini supaya perjalanan kajian ini lebih mudah difaham.

### 1.9.1 Kritikan

Kritikan dalam kajian ini merujuk kepada pandangan yang dibuat oleh penulis K.Balamurugan ke atas karya Theernthu Pogatha Venkaddikal. Kritikan setiap filem dalam karya yang dipilih adalah berkaitan kehidupan kanak-kanak telah dilakukan dengan baik oleh penulis K.Balamurugan. Beliau membuktikan bahawa pengkritik yang jujur dan mantang akan membantu kepada penulis pada masa akan datang dalam bidang sastera ini.

Kritikan merupakan kegiatan membuat pertimbangan atau penafsiran termaklum. Kamus Cambridge 2017 mendefinisikan pengkritikan sebagai perbuatan yang memberi pandangan tentang sifat-sifat yang diterima dan tidak diterima sesuatu dan seseorang. Bagi banyak kes, ia merupakan sinonim kepada istilah "analisis". Dalam konteks kesusasteraan dan akademik, istilah itu paling biasa merujuk kepada kritikan kesusasteraan, kritikan seni, dan bidang lain yang serupa, serta juga kepada percubaan sarjana untuk memahami sesuatu objek estetik dengan mendalam. Dalam konteks sebegini, istilah "pengkritik" yang digunakan tanpa pengubah suai atau



pembatasan, paling biasanya merujuk kepada sarjana kesusasteraan atau sarjana bentuk seni yang lain (Danziger dan Johnson, 1991).

Dalam konteks yang lain, istilah "kritikan" memberikan tentangan atau percanggahan terhadap sesuatu perkara kritikan. Ada kalanya, konteks dan perbalahan merupakan satu-satunya faktor pembezaan antara kedua-dua pendekatan tersebut. Misalnya, dalam bidang politik (seperti dalam frasa "kritikan terhadap dasar luar negeri"), "kritikan" hampir selalu bersifat percanggahan, manakala dalam bidang akademik, seni, dan kesusasteraan (seperti dalam frasa "kritikan terhadap puisi Romantik"), ia biasa merujuk kepada kegiatan penafsiran atau analisis yang tidak ketara.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun



PustakaTBainun



ptbupsi

Kritikan sastera merangkumi aktiviti melakukan penilaian penafsiran, penganalisisan dan hukuman terhadap sesuatu teks sastera atau kesusasteraan. Rene Wellek (1999) menyatakan kritikan sastera meliputi pengajian tentang karya seni sastera. Ann Jefferson dan David Robey (1988) menyatakan, kritikan pada amnya bermakna perbincangan tentang karya kesusasteraan yang menumpukan perkaitan kepada perihalan, penafsiran dan penilaian tentang makna dan kesan karya kesusasteraan terhadap pembaca yang cekap yang tidak semestinya pembaca ilmiah.

Daripada pandangan para pengkritik, kritikan dibahagikan kepada pelbagai jenis kritikan. Ini akan membuatkan karya yang dihasilkan meliputi segala aspek yang dikehendaki oleh pembaca. Mutu sesuatu karya akan dikukuhkan selepas melakukan kritikan.

Proses menghayati teks adalah langkah pertama dan penting untuk mendekati sesuatu karya yang akan dikritik. Penghayatan bermakna pengkritik mendalami isi cerita dengan cara membaca dan memahami segala ungkapan, istilah dan frasa ayat yang mengangkat persoalan penting cerita. Dengan perkakas teoretikal yang dimiliki oleh pengkritik, maka, teks berkenaan boleh saja dibedah (operate) dan dianalisis mengikut sudut mana dan tujuan kritikan itu dibuat. Perkakas teoretikal itu tentulah terdiri sebuah teori atau pendekatan yang sesuai dengan tujuan kritikan itu tadi.

### 1.9.2 Filem

Dalam kajian ini, 10 filem telah dipilih dan dikritik oleh K.Balamurugan. Semua filem yang terdapat dalam karya Theernthu Pogatha Venkaddikal telah dipilih daripada pelbagai bahasa seperti hindi, tamil, Thailand dan sebagainya. Filem dalam karya ini mempunyai sifat sanggup menghubungkan penonton dengan kisah-kisah sendiri seseorang. Ia juga menjadi motivasi kepada penontonnya supaya membuat perubahan dalam hidupan masing-masing. Selain daripada menjadi sumber pengetahuan kepada masyarakat, semua filem juga menjadi alat perkembangan kebudayaan, kesedaran dan sebagainya.

Filem didefinisikan sebagai selaput tipis yang dibuat dari seluloid untuk tempat gambar negatif dan lakon (cerita) gambar hidup. Anuar Nor Arai (2007) membahagikan kepada tiga zaman iaitu zaman P.Ramlee, zaman kontemporari Malaysia dan filem luar lingkungan Malaysia seperti filem negara Filipina, China,

Jepun dan sebagainya (Anuar Nor Arai 2007). Dari pandangan Fusiah Kartini Hassan Basri dan rakan-rakannya (2009), penonton filem bersifat yakni mempunyai pelbagai tingkah laku, cita rasa sendiri, persepsi dan harapan terhadap sesuatu filem yang ditonton.

Menurut Michael Rabiger (2009), sebuah filem mempunyai sifat menarik dan menghibur, serta membuat para penonton berfikir. Ia sebuah karya seni budaya yang meliputi kaedah sinematografi ataupun tanpa suara dan menjadi media komunikasi massa bagi menyampaikan sesuatu mesej kepada dunia. Selain itu, filem adalah suatu alat yang digunakan untuk menyampaikan berbagai-bagai pesan kepada khalayak umum melalui media cerita.



05-4506832



Dalam membincangkan definisi filem, dapat kenalpasti bahawa ia mempunyai dimensi pentakrifan dan ruang lingkup kontekstual yang luas (Ismail Abdullah 2009).

### 1.9.3 Teori Formalistik

Teori formalistik ini menjadi alat pengukur untuk kritikan karya Theernthu Pogatha Venkaddikal yang dihasilkan oleh K.Balamurugan. Tujuan dari pendekatan formalistik adalah untuk mengetahui apakah isi sebuah karya dan bagaimana isi itu disampaikan. Aspek teori formalistik iaitu, subjek perbincangan, plot dan watak perkataan telah digunakan ke atas semua filem yang dipilih. Penulis K.Balamurugan juga menggunakan teori formalistik untuk membuktikan kritikan filem telah dibuat dengan baik dan berkualiti.



Formalistik berasal dari kata forma (latin), yang bererti bentuk atau wujud. Teori formalistik ini bertujuan untuk mengetahui keterpaduan unsur yang terdapat dalam karya sastera tersebut sehingga dapat menyalin keutuhan bentuk dan isi dengan cara meneliti unsur-unsur kesusasteraan, puitika, oposisi tema dan sebagainya. Kelahiran formalistik Rusia diantar oleh esei dari Victor Sklovskij yang diterbitkan oleh Piter di St.Petersburg pada tahun 1914. Formalistik adalah reaksi terhadap terhadap pendekatan sastera yang bersifat positivistic. Teori ini adalah berfungsi sebagai peletak dasar ilmu sastera moden (Luxemburg, 1999). Menurut Victor Sklovsky (1916) sastera mempunyai kemampuan untuk memperlihatkan kenyataan dengan suatu cara baru sehingga penerapan pembaca dengan saranan bahasa.

Untuk memahami dan dapat mengapresiasi karya sastera, kaum formalistik mengajukan pentingnya memerhatikan kesenjawaan struktur dan konstruk sebuah karya. Sebuah karya dinilai keberhasilan dan kemantapannya melalui bentuknya, yakni melihat keutuhan strukturnya dengan memeriksa antara hubungan dan jalinan keterkaitan sesama elemen sastrawi pendukung karya. Biasanya, karya yang bernilai adalah karya yang kukuh dengan semua unsur pendukungnya berfungsi ketat. Menurut pendekatan formalistik, lepas dari nilai atau pendapat pengarang atau pembaca, teks sastera adalah objek yang harus dianalisis untuk dapat menemukan maknanya.

Singkatnya, tujuan dari pendekatan formalisis adalah untuk mengetahui apakah isi sebuah karya dan bagaimana isi itu disampaikan. Untuk itu, apa yang harus dilakukan peneliti dengan menggunakan pendekatan formalistik, sesungguhnya adalah close reading, demi menemukan jawab atas pertanyaan-pertanyaan tentang





serta seluk-beluk konflik, plot, tema, latar, bahasa, makna figuratif, kesatuan waktu, dan lainnya (Russel 1997).

#### 1.9.4 Pengkritik

Pengkritik dalam Kamus Dewan Edisi Keempat (2012) diberi maksud orang yang mengkritik atau pembidas. Dalam Metro Ahad 2006 juga diberi maksud pengkritik iaitu seseorang ahli dalam bidang kritikan, maka tugas pengkritik merangkumi kerja-kerja menganalisis, menilai, menimbang, dan menghalusi karya sastera. Pengkritik menjalankan kerja-kerja ini dilakukan untuk mendedahkan segala perkara yang terdapat dalam sesebuah karya.



Walaupun pengkritik mempunyai kemampuan untuk mengkritik karya sastera namun pengkritik tidak boleh melakukannya mengikut jalan tersendiri. Kritikan mempunyai cara dan aturan yang tersedia yang digunakan oleh pengkritik pada masa lalu. Kerja-kerja kritikan ini perlu mengikut norma-norma yang tertentu supaya hasilnya menjadi lebih sistematik dan mutunya tinggi. Pengkritik mempunyai tanggungjawab yang besar dalam menitik beratkan teks, khalayak dan pengarang dalam proses kritikan ini. Pelbagai keperluan asas perlu dimiliki oleh pengkritik sebelum melibatkan diri dalam pengkritikan karya. (Abdul Halim Ali, 2001).

Keperluan yang paling asas perlu ada pada pengkritik ialah ilmu tentang kritikan dan bidang kesusteraan. Malah mereka juga harus menguasai ilmu tentang teori sastera yang kelak akan digunakan sebagai perkakas untuk mengoperasi karya





sastera. Kombinasi dari ilmu yang diintegrasikan itu (teori dan kritikan) meletakkan seseorang pengkritik itu dalam keadaan yang ‘bersedia’ dengan tugas yang bakal dilaksanakannya.

### 1.10 Kesimpulan

Dalam bab ini, pengkaji membincangkan pengenalan kepada kajian ini. Dalam bahagian pernyataan masalah, beberapa perkara yang telah ditimbul dalam kajian ini dapat diuraikan dengan jelas dan terperinci. Seterusnya, objektif dan persoalan kajian telah ditentukan. Bahagian kepentingan kajian menjelaskan betapa signifikannya kajian ini. Sumber-sumber yang digunakan dalam kajian ini telah dinyatakan dan diikuti dengan definisi operasional yang diberi kepada beberapa perkataan supaya dapat memahami konsepnya.

Kesimpulannya, dalam bab ini, penjelasan mengenai bahagian-bahagian penting telah diteliti supaya kajian ini tidak terpesong dari objektifnya. Demi mendapatkan maklumat yang lanjut berhubungkait dengan tajuk kajian ini proses meneliti buku-buku serta artikel-artikel yang mengenai dengan tajuk kajian perlu dilakukan sebagai langkah seterusnya.

